



2010/10/27 12:38



2012.12.13

GARIS PANDUAN MEMPERKASAKAN KOMUNITI SETEMPAT DALAM KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN PARIT UNTUK PROJEK KOMUNITI KAMPUNG DALAM KAWASAN PENTADBIRAN DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA



**DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA
(THE COMMISSION OF THE CITY OF KUCHING NORTH)
BUKIT SIOL, JALAN SEMARIANG,
PETRA JAYA, 93050 KUCHING, SARAWAK
TEL : 082-446688
FAKS : 082-446414
E-MEL : qrc@dbku.gov.my**

SENARAI KANDUNGAN

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.0 PENGENALAN	3
1.1 Tujuan Penyediaan Laporan	4
1.2 Skop	4
1.3 Objektif	5
1.4 Metodologi	5
1.4.1 Pengumpulan Data	5
1.4.2 Lawatan Tapak	6
1.4.3 Bengkel/Forum Perbincangan	7
1.4.4 Jadual Status Perlaksanaan KFA	8
1.4.5 Jadual Perlaksanaan (Ghant Chart)	9
1.5 Impak	10
1.6 Output	11
2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN	
2.1 Kriteria Am	12
2.2 Kriteria Kualiti Kerja	15
2.3 Kriteria Alam Sekitar	21
2.4 Kriteria “Safety and Health”	23
3.0 GARISPANDUAN BAGI PEMBERSIHAN PARIT TEPIAN JALAN	
3.1 Kriteria Kualiti Kerja	25
3.3 Kriteria Alam Sekitar	29
3.4 Kriteria “Safety and Health”	31
4.0 SISTEM DENDA KIRAAN MATA	
4.1 Borang Penilaian Pengiraan Mata Denda	33
4.2 Contoh Pengiraan Mata Denda	34
4.3 Rekod Harian Tapak	35
5.0 PENUTUP	37

1.0 PENGENALAN

Kerja-kerja pemotongan rumput meliputi kerja-kerja penyelenggaraan rumput yang dipotong sama rata mengikut piawaian yang ditetapkan (pada ketinggian 50mm dari paras tanah), membuang rumput penaik (grass creepers)/tumbuhan menjalar, menyapu dan membuang sisa-sisa rumput, ranting kecil dan lain-lain sampah-sarap selepas kerja-kerja pemotongan yang bertaburan di tepian jalan, jalanraya, tempat pejalan kaki pada hari yang sama.

Kerja-kerja pembersihan parit meliputi kerja-kerja mengeluarkan bahan buangan termasuk sampah, rumput liar, rumput, semak samun, tumbuhan menjalar, lumpur yang mendap, batu, pasir, lumut, kayu dan semua sisa-sisa bungan dari dalam parit tanah, parit konkrit, *weep hole*, *outlet channel*, pembentungan serta sump bagi memastikan aliran air mengalir dengan lancar.



1.1 TUJUAN PENYEDIAAN LAPORAN

Laporan ini disediakan bertujuan sebagai panduan kepada komuniti-komuniti kampung yang terlibat secara langsung bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk perlaksanaan kerja-kerja pemotongan rumput yang meliputi kerja-kerja penyelenggaraan rumput dan pembersihan parit yang meliputi kerja-kerja mengeluarkan bahan buangan.



1.2 SKOP

Skop kajian laporan ini adalah mengkaji perlaksanaan penyediaan garis panduan kepada komuniti-komuniti kampung yang terlibat yang diurus dan dikawalselia oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).



1.3 OBJEKTIF

Tiga (3) objektif kajian yang telah dikenalpasti iaitu:-

- i. Melahirkan komuniti yang bertanggungjawab.
- ii. Membentuk komuniti yang prihatin terhadap isu persekitaran dan kebersihan di tempat kediaman mereka sendiri.
- iii. Mencadangkan tindakan penamaikan bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan parit dan pembersihan parit.



1.4 METODOLOGI

1.4.1 Pengumpulan Data

Pengumpulan data primer dan sekunder telah diperolehi dari pihak berkuasa tempatan (PBT) dan lain-lain sumber yang berkaitan.

Kaedah pengumpulan data merangkumi statistik aduan yang diterima, inventori panjang/lebar jalan dan parit, lawatan tapak, pembacaan, *desktop study* dan temu ramah.



1.4.2 Lawatan Tapak

Lawatan tapak telah diadakan di beberapa buah kampung yang terbabit bagi melihat dan menilai tahap penyediaan dan masalah perlaksanaan kemudahan pemotongan rumput dan pembersihan parit di kawasan terlibat.

Untuk garispanduan ini, perbincangan/dialog satu bengkel telah diadakan bagi mengenalpasti masalah dan pendapat mereka dalam melaksanakan KFA ini. Antara kampung-kampung yang terlibat:-

- i. Kampung Muara Tebas
- ii. Kampung Bako
- iii. Kampung Selabat
- iv. Kampung Pasir Puteh
- v. Kampung Goebilt
- vi. Kampung Senari
- vii. Kampung Sejingkat
- viii. Kampung Boyan
- ix. Kampung Gersik
- x. Kampung Sourabaya
- xi. Kampung Panglima Seman
- xii. Kampung Semarang
- xiii. Kampung Pulo
- xiv. Kampung Bintawa
- xv. Kampung Sungai Bedil




1.4.3 Bengkel/Forum Perbincangan

Bahagian Penyelenggaraan Infrastruktur DBKU telah menganjurkan Bengkel Lab Aktiviti Fokus Utama (KFA) yang pertama pada 27 Februari 2014 di Hotel Hilton, Kuching.

Susulan daripada Bengkel yang telah diadakan, satu forum perbincangan bersama Ketua Kaum dan Penghulu bagi kampung-kampung yang terlibat telah diadakan pada 27 Mac 2014 di Bilik Mawar, Depo DBKU.

Bengkel dan forum perbincangan ini diadakan bersama pihak-pihak berkepentingan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas, berkongsi pengalaman, ilmu pengetahuan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.



KFA WORKING GROUP OUTCOMES : Garis panduan dan spesifikasi kerja untuk dilaksanakan oleh komuniti bagi pemotongan rumput dan penyelenggaraan parit.

AKTIVITI:


Bil.	Sasaran Aktiviti	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Weighing (%)	Completed (%)	Tindakan
1.	Lab 1	27.2.2014	27.2.2014	25%	25%	
2.	Develop Guideline	27.2.2014	12.5.2014	40%	40%	
3.	Lab 2	9.9.2014	9.9.2014	20%	85%	
4.	Approval (Dokumen Tender/ Agreement)	16.9.2014	15.11.2014	15%		Perlaksanaannya mulai 02.01.2015

1.4.4 JADUAL STATUS PERLAKSANAAN KFA

JADUAL PERLAKSANAAN (GHANT CHART)

BIL	PELAN TINDAKAN	BULAN/TAHUN 2013												TARGET/ KPI
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
1.	Bengkel KFA			■										
2.	Cadangan terperinci			■	■									
3.	Pra-Perbincangan dengan Pihak Pengurusan					■								
4.	Sindikasi Pertama (Pihak Pengurusan)					■	■							
5.	Sindikasi kepada Pengarah DBKU							■	■					
6.	Penyediaan Kertas JKT									■	■			
7.	Penyediaan inventori untuk kampung terlibat										■	■		

BIL	PELAN TINDAKAN	BULAN/TAHUN 2014												TARGET/ KPI
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
8.	Perbincangan dengan semua ketua komuniti yang terlibat untuk mendapat persetujuan	■	■											
9.	Mendokumentasikan hasil bengkel		27/2	27/3										
10.	Pembentangan kepada Pengurusan yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar				16/4									



BIL	PELAN TINDAKAN	BULAN/TAHUN 2014												TARGET/ KPI
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
14.	Pembentangan kertas kerja ke JPPP (Jawatankuasa Pembangunan, Perancangan dan Persekitaran) untuk pengesahan.									9/10				
15.	Penyediaan tender untuk kawasan yang tiada penglibatan komuniti													
15.	Pengawadian dan pelaksanaan projek kepada komuniti dan kontraktor										■			
16.	Perlaksanaan Pilot Project													2/1/2015

1.4.5 JADUAL PERLAKSANAAN (GHANT CHART)

1.5 IMPAK

1. Dapat meningkatkan imej DBKU sebagai organisasi yang prihatin kepada persekitaran alam sekitar.
2. Kesemua kawasan dapat diselenggara dengan mudah atas penglibatan komuniti setempat.
3. Dapat memberi peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.
4. Dapat menjana dan menambah pendapatan Komuniti setempat.
5. Dapat mengurangkan aduan awam mengenai rumput panjang dan parit tersumbat.
6. Dapat menjalinkan hubungan erat diantara DBKU dengan komuniti setempat.



1.6 OUTPUT

Kawasan hijau (*open spaces*)/bauh jalan dan parit tepian jalan yang telah diwartakan kepada DBKU diselenggara menepati garis panduan kerja serta spesifikasi yang telah ditetapkan untuk dilaksanakan oleh Komuniti berdasarkan garispanduan yang diwujudkan.



2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.1 KRITERIA AM

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP JADUAL PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN			
PETUNJUK	<ol style="list-style-type: none">1. Jadual perkhidmatan ini merangkumi sesi / frekuensi kerja pemotongan rumput dan pembersihan parit yang ditetapkan iaitu:			
	Bil	Perkhidmatan	Frekuensi	
	1	Jadual Perlaksanaan	1 Bulan sekali	
	2	Pemotongan Rumput (Protokol)	10 hari sesesi	
	3	Pemotongan Rumput (Non-Protokol)	15 hari sesesi	
KESALAHAN	<ol style="list-style-type: none">a) Perancangan Jadual perlaksanaan kerja tapak hendaklah dihantar satu (1) bulan untuk perlaksanaan kerja kontrak.			
	Bil	Perkhidmatan	Denda	KPI
	1	Kegagalan menghantar jadual perlaksanaan kerja tapak mengikut tempoh yang ditetapkan. (Flushing and Desludging)	Tiada denda dikenakan untuk bulan pertama. Perbincangan diplomasi akan dibuat pada bulan ke-2 dan tindakan mengenakan denda hanya akan diambil selepas bulan ke-3. RM50.00	Satu (1) minggu dari tarikh sesi bermula

2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.1 KRITERIA AM

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP JADUAL PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN			
KESALAHAN	Bil	Perkhidmatan	Denda	KPI
	2	<p>Kegagalan mematuhi frekuensi untuk perkhidmatan yang ditetapkan:-</p> <p>a) “Non-commencement of works” (Kerja tidak siap dalam tempoh yang telah ditetapkan)</p>	<p>Tiada denda dikenakan untuk bulan pertama. Perbincangan diplomasi akan dibuat pada bulan ke-2 dan tindakan mengenakan denda hanya akan diambil selepas bulan ke-3.</p> <p>RM100.00 (Surat Amaran Pertama dan ditamat perkhidmatan bagi kesalahan kali kedua atau mana-mana gabungan bagi kesalahan a, b dan c).</p>	<p>10 hari / sesi (Protokol) dan 15 hari/sesi (Non-Protocol) seperti Jadual Perlaksanaan dipersetujui.</p>

2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.1 KRITERIA AM				
RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP JADUAL PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN			
	Bil	Perkhidmatan	Denda	KPI
	2	<p>Kegagalan mematuhi frekuensi untuk prkhidmatan yang ditetapkan:-</p> <p>a) <i>"Spill over of works"</i> (Kerja yang telah siap tapi melebihi tempoh siap yang telah ditetapkan).</p> <p>b) <i>"Open burning and the use of weedkiller"</i> (Pembakaran terbuka dan penggunaan racun rumput tidak dibenarkan).</p>	<p>Tiada denda dikenakan untuk bulan pertama. Perbincangan diplomasi akan dibuat pada bulan ke-2 dan tindakan mengenakan denda hanya akan diambil selepas bulan ke-3.</p> <p>Tiada pembayaran dibuat bagi kawasan yang tidak siap pada sesi tersebut. (Surat Amaran Pertama dan ditamat perkhidmatan bagi kesalahan kali kedua atau mana-mana gabungan bagi kesalahan a, b dan c).</p> <p>Tiada denda dikenakan untuk bulan pertama. Perbincangan diplomasi akan dibuat pada bulan ke-2 dan tindakan mengenakan denda hanya akan diambil selepas bulan ke-3.</p> <p>Surat Amaran Pertama dan ditamat perkhidmatan bagi kesalahan kali kedua atau mana-mana gabungan bagi kesalahan a, b dan c.</p>	<p>10 hari / sesi (Protokol) dan 15 hari/sesi (Non-Protocol) seperti Jadual Perlaksanaan dipersetujui.</p> <p>10 hari / sesi (Protokol) dan 15 hari/sesi (Non-Protocol) seperti Jadual Perlaksanaan dipersetujui.</p>

2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.2 KRITERIA KUALITI KERJA

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP KUALITI PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN			
PETUNJUK	<ul style="list-style-type: none"> Rumput hendaklah dipotong separas. Ketinggian rumput di potong hendaklah seragam antara 50 mm dan 75 mm bagi mengelak permukaan tanah terdedah kepada hakisan dan membantutkan pertumbuhan rumput. Semua struktur dan tanaman tepian jalan hendaklah bebas dari rumput penaik (grass creepers). Kerja-kerja tersebut hendaklah di laksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan Contraktor atau wakil penyelia syarikat hendaklah sentiasa ditapak untuk pengesahan kerja dijalankan setiap hari. 			
KESALAHAN	Bil	Perkhidmatan	Denda	KPI
	1	Rumput tidak dipotong separas antara 50 mm hingga 75 mm	<p style="color: red;">Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan Pada bulan berikutnya.</p> <p>30 mata denda</p>	10 Hari/sesi (Protokol) dan 15 Hari/sesi (Non-Protokol)
	2	Kerja tidak dijalankan mengikut Jadual Kerja dan tidak berterusan seperti yang telah ditetapkan.	<p style="color: red;">Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan Pada bulan berikutnya.</p> <p>30 mata denda</p>	10 Hari/sesi (Protokol) dan 15 Hari/sesi (Non-Protokol)
	3	Rumput sekeliling struktur tidak dipotong/dibersihkan	<p style="color: red;">Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan Pada bulan berikutnya.</p> <p>30 mata denda</p>	10 Hari/sesi (Protokol) dan 15 Hari/sesi (Non-Protokol)

2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.2 KRITERIA KUALITI KERJA

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP KUALITI PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN			
KESALAHAN	Bil	Perkhidmatan	Denda	KPI
	4.	Rumput tepi jalan, bendul jalan atau tempat pejalan kaki tidak di weeding/dipotong	Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan Pada bulan berikutnya. 30 mata denda	10 Hari/sesi (Protokol) dan 15 Hari/sesi (Non-Protokol)
	5	Rumput disekeliling struktur seperti sempadan pagar tidak dipotong/dibersihkan dari creepers .	Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan Pada bulan berikutnya. 30 mata denda	10 Hari/sesi (Protokol) dan 15 Hari/sesi (Non-Protokol)
	6	Anak-anak pokok cedera akibat terkena nylon string blade.	Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan Pada bulan berikutnya. 30 mata denda	10 Hari/sesi (Protokol) dan 15 Hari/sesi (Non-Protokol)



2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.2 KRITERIA KUALITI KERJA

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP KUALITI PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN	
GAMBAR	BETUL (✓)	SALAH (✗)
		
	<p>Rumput dipotong separas antara 50 mm hingga 75 mm</p> 	<p>Rumput tidak dipotong separas atau bertingkat-tingkat</p> 

2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.2 KRITERIA KUALITI KERJA

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP KUALITI PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN	
GAMBAR	BETUL (✓)	SALAH (X)
	 A black and white photograph showing a close-up view of grass growing around the base of a vertical structure, possibly a fence post or a small tree. A red circle highlights the area where the grass has been neatly mown and cleared away from the structure.	 A black and white photograph showing a similar scene to the first, but the grass around the vertical structure has not been mown or cleared, appearing overgrown and messy.
	Rumput disekeliling struktur dipotong/dibersihkan.	Rumput sekeliling tidak dipotong/dibiarkan.
	 A black and white photograph showing a wider view of a grassy area. It features several vertical structures, likely fence posts or trees, and the grass around their bases has been mown and cleared, creating a clean edge. A red circle highlights one such example.	 A black and white photograph showing a similar scene to the previous one, but the grass around the vertical structures has not been mown or cleared, appearing overgrown and messy.
	Rumput disekeliling struktur seperti sempadan pagar dipotong/dibersihkan.	Rumput disekeliling struktur seperti sempadan pagar tidak dipotong / dibersihkan dari creepers.


2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.2 KRITERIA KUALITI KERJA

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP KUALITI PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN	
GAMBAR	BETUL (✓)	SALAH (X)
	 Rumput tepi jalan, bendul jalan atau tempat pejalan kaki di weeding/ dipotong	 Rumput tepi jalan, bendul jalan atau tempat pejalan kaki tidak di weeding/ dipotong
	 Anak-anak pokok TIDAK cedera dibersih Secara manual/mesin pemotong rumput	 Anak-anak pokok cedera akibat terkena nylon spring blade.

2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.2 KRITERIA KUALITI KERJA

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP KUALITI PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN	
GAMBAR	<p>BETUL (✓)</p>  <p>Kerja dijalankan mengikut Jadual kerja yang telah ditetapkan</p>	<p>SALAH (X)</p> <p>KERJA-KERJA TIDAK DIJALANKAN PADA HARI PERTAMA DAN TIDAK BERTERUSAN</p>
	 <p>Kontraktor atau wakil penyelia syarikat mesti ada di tapak.</p>	<p>KONTRAKTOR ATAU WAKIL PENYELIA TIADA DI TAPAK BAGI URUSAN PENGESAHAN DALAM BUKU “SITE DAILY RECORD”</p>




2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.3 KRITERIA ALAM SEKITAR

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP ALAM SEKITAR PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN		
PETUNJUK	<ul style="list-style-type: none"> - Sisa-sisa rumput, ranting kecil dan lain-lain sampah-sarap selepas kerja-kerja pemotongan yang bertaburan di tepian jalan, jalan, jalanraya, tempat pejalan kaki dan lain-lain hendaklah disapu dan dibuang pada hari yang sama. - Kawasan tapak hendaklah bebas dari (<i>Nylon string blade</i>) hendaklah dikutip/dikumpul. 		
KESALAHAN	Bil	Perkhidmatan	Denda
	1	Sisa-sisa rumput/sampah tidak disapu atau dibersih pada hari yang sama.	<p>Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan Pada bulan berikutnya.</p> <p>30 mata denda</p>
BETUL (✓)		SALAH (X)	
GAMBAR	 <p>Sisa-sisa rumput/sampah disapu atau dibersih pada hari yang sama.</p>		 <p>Sisa-sisa rumput/sampah TIDAK disapu atau dibersih pada hari yang sama.</p>

2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.3 KRITERIA ALAM SEKITAR

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP ALAM SEKITAR PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN	
GAMBAR	BETUL (✓)	SALAH (X)
		
	<p>Sisa-sisa rumput/sampah disapu atau dibersih pada hari yang sama</p> 	<p>Sisa-sisa rumput / sampah TIDAK disapu atau dibersih pada hari yang sama</p> 
	<p>Sisa-sisa rumput / sampah disapu atau dibersih pada hari yang sama</p> 	<p>Sisa-sisa rumput / sampah TIDAK disapu atau dibersihkan pada hari yang sama</p> 
	<p>Kawasan rumput bebas dari tali/Nylon String Blade bertaburan</p> 	<p>Tali / Nylon string blade bertaburan dan TIDAK dikutip/dikumpul</p> 



2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.4 KRITERIA SAFETY AND HEALTH

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP “SAFETY AND HEALTH” PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN			
PETUNJUK	<ul style="list-style-type: none"> Pekerja hendaklah lengkap menggunakan peralatan keselamatan diri seperti <i>safety boot/wellington boot, safety goggle, baju vest dan glove</i>. Kelengkapan kerja seperti kon keselamatan, <i>signboard</i> dan hendaklah berada di tapak setiap masa. Kerja- kerja hendaklah menggunakan “<i>Nylon string blade bushcutter</i>” 			
KESALAHAN	Bil	Perkhidmatan	Denda	KPI
	1	Pekerja tidak menggunakan kelengkapan keselamatan diri (PPE)	RM50.00 dan 20 mata denda	10 hari/sesi (Protokol) dan 15 hari/sesi (Non-Protokol).
	2	Tidak meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan semasa kerja-kerja dijalankan.	RM50.00 dan 20 mata denda	10 hari/sesi (Protokol) dan 15 hari/sesi (Non-Protokol).
	3	Menggunakan mesin/peralatan yang tidak sesuai dan tidak diluluskan oleh Pegawai Penguasa.	RM50.00 dan 20 mata denda	10 hari/sesi (Protokol) dan 15 hari/sesi (Non-Protokol).
GAMBAR	BETUL (✓)		SALAH (X)	
	 Kelengkapan Peralatan Keselamatan Diri		<p style="color: red;">TIDAK menggunakan Peralatan Keselamatan Diri yang tidak dibenarkan/dilulus oleh “Superintending Officer”.</p>	

2.0 GARISPANDUAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DI TEPIAN JALAN

2.4 KRITERIA SAFETY AND HEALTH

RINGKASAN PETUNJUK	PEMATUHAN TERHADAP “SAFETY AND HEALTH” PERKHIDMATAN DAN FREKUENSI PERKHIDMATAN	
	BETUL (✓)	SALAH (X)
GAMBAR	 A worker is shown wearing a hard hat and safety glasses while operating a string trimmer. A red circle highlights the worker's head area. <p>Pekerja lengkap dengan alat keselamatan diri (PPE)</p>	 A worker is shown operating a string trimmer without wearing a hard hat or safety glasses. A red circle highlights the worker's head area. <p>Pekerja tidak menggunakan kelengkapan keselamatan diri (PPE)</p>
	 A safety cone is placed on the ground at a distance from the worker's work area. A red circle highlights the cone. <p>Kon keselamatan hendaklah diletak sekurang-kurangnya 50 meter dari lokasi kerja.</p>	 A worker is shown working near a wall without a safety cone placed nearby. A red circle highlights the worker's head area. <p>Tidak meletakan kon keselamatan semasa kerja-kerja dijalankan</p>
	 A close-up view of a string trimmer's cutting blade, which is identified as a "Nylon String Blade". A red oval highlights the blade. <p>Mesin <i>bushcutter</i> menggunakan “Nylon String Blade”</p>	 A close-up view of a string trimmer's cutting blade, which is identified as a "Metal Blade". A red oval highlights the blade. <p>Mesin <i>bushcutter</i> menggunakan “Metal Blade”</p>

3.0 GARIS PANDUAN BAGI PEMBERSIHAN PARIT TEPIAN JALAN


3.1 KRITERIA KUALITI KERJA

PETUNJUK	<ul style="list-style-type: none"> • Sampah sarap untuk keadaan dimana longkang tersebut mempunyai halangan seperti rumput air, rumput, tumbuhan liar, rumput penaik, pasir, batu kayu, sisa pepejal dan bahan asing tidak dibersih /dikeluarkan dari dalam parit, “weephole, trenches, culvert, sump” kerana terhalang dengan halangan, tersumbat (separa atau sepenuhnya); • Kerja-kerja tersebut hendaklah di laksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. • Kontraktor atau wakil penyelia syarikat hendaklah sentiasa ditapak untuk pengesahan kerja dijalankan. 			
KESALAHAN	Bil	Perkhidmatan	Denda	KPI
	1	Keadaan parit konkrit yang tidak dibersihkan/ diservis penuh dengan keladak, sisa asing dan tumbuh-tumbuhan.	<p style="color: red;">Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan pada bulan berikutnya.</p> <p style="color: blue;">30 mata denda</p>	30 Hari / sesi
	2	Keadaan parit tanah yang tidak dibersihkan / diservis penuh dengan keladak, sisa asing dan tumbuh-tumbuhan.	<p style="color: red;">Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan pada bulan berikutnya.</p> <p style="color: blue;">30 mata denda</p>	30 Hari / sesi
	3	”Outlet channels” tidak dibersih / tersumbat dan penuh dgn sisa pepejal atau rumput	<p style="color: red;">Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan pada bulan berikutnya.</p> <p style="color: blue;">30 mata denda</p>	30 Hari / sesi
	4	Kerja-kerja tidak dijalankan pada hari pertama sesi dan tidak berterusan.	<p style="color: red;">Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan pada bulan berikutnya.</p> <p style="color: blue;">30 mata denda</p>	30 Hari / sesi
	5	Kontraktor atau Wakil Penyelia tapak dilantik syarikat tidak berada di tapak.	<p style="color: red;">Pengecualian denda untuk satu (1) bulan pertama dan denda akan dikenakan pada bulan berikutnya.</p> <p style="color: blue;">30 mata denda</p>	30 Hari / sesi

3.0 GARIS PANDUAN BAGI PEMBERSIHAN PARIT TEPIAN JALAN

GAMBAR	BETUL (✓)	SALAH (X)
	 A photograph showing a clean drainage channel (parit) with clear water flowing through it. A red circle highlights the clean water and the absence of debris.	 A photograph showing a drainage channel (parit) that is dirty and filled with debris, including fallen leaves and trash. A red circle highlights the debris and lack of cleanliness.
	 A photograph showing a drainage channel (parit) that is clean and free from debris like fallen leaves and foreign materials. A red circle highlights the clean condition of the water and absence of debris.	 A photograph showing a drainage channel (parit) that is dirty and filled with debris, including fallen leaves and trash. A red circle highlights the debris and lack of cleanliness.
	 A photograph showing a drainage channel (parit) that is clean and free from invasive plants. A red circle highlights the absence of overgrown vegetation along the channel.	 A photograph showing a drainage channel (parit) that is dirty and filled with debris, including fallen leaves and trash. A red circle highlights the debris and lack of cleanliness.

3.0 GARIS PANDUAN BAGI PEMBERSIHAN PARIT TEPIAN JALAN

GAMBAR	BETUL (✓)	SALAH (X)
	 <p>"Outlet channels" bebas dari sisa pepejal atau rumpai</p>	 <p>"Outlet channels" tidak dibersih / tersumabat dan penuh dgn sisa pepejal atau rumpai</p>
	 <p>"Outlet channels" bebas dari sisa pepejal atau rumpai</p>	 <p>"Outlet channels" tidak dibersih / tersumabat dan penuh dengan sisa pepejal atau rumpai</p>

3.0 GARIS PANDUAN BAGI PEMBERSIHAN PARIT TEPIAN JALAN

DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA																															
BAHAGIAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR																															
Unit Perkhidmatan Pemberian																															
WORK PROGRAMME																															
Tajuk Kontak : : DRANS CLEANING WORKS	Zen :	No. Kontak :																													
HARI																															
BULAN	SAB	AHU	SEN	SEL	RAB	KHA	JUJU	SAB	AHU	SEN	SEL	RAB	KHA	JUJU	SAB	AHU	SEN	SEL	RAB	KHA	JUJU	SAB	AHU	SEN							
2012	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
JAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
FEB	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
MAR	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
APR	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
MAY	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
JUN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
JUL	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
AGO	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
SEPT	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
OCT	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
NOV	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
DEC	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31

NOTA:

- Sei Penyelesaian Rumpum 24 sesi sebabatan (15 hari / sesi).
- Sei Pembentahan Pantai 12 sesi sebabatan (30 hari / sesi).
- Pemerasinan tapak dibuat walaupun hari.

[ZAIN BIN HJ PATHI]
Ketua Bahagian
Bengkel Penyelesaian Infrastruktur

[KONTRAKTOR]

**Kerja dijalankan
mengikut Jadual kerja ditetapkan**

KERJA-KERJA TIDAK
DIJALANKAN PADA HARI
PERTAMA DAN TIDAK
BERTERUSAN

GAMBAR

**Kontraktor atau wakil penyelia
syarikat mesti ada di tapak.**

KONTRAKTOR ATAU WAKIL
PENYELIA TIADA DI TAPAK
BAGI URUSAN PENGESAHAN
DALAM BUKU "SITE DAILY
RECORD"

3.0 GARIS PANDUAN BAGI PEMBERSIHAN PARIT TEPIAN JALAN

3.2 KRITERIA ALAM SEKITAR

RINGKASAN PETUNJUK	<ul style="list-style-type: none"> • Semua sampah dibersih / dikeluarkan dari dalam parit hendaklah dimasukkan dalam beg atau bekas atau menggunakan kaedah dan peralatan yang sesuai dan dibuang pada hari yang sama; • Tiada tumpahan leachate yang berlaku ketika aktiviti mengumpul sisa pepejal semasa proses pengangkutan. 			
KESALAHAN	Bil	Perkhidmatan	Denda	KPI
	1	Sisa pepejal yang dikumpul tidak dimasukkan dalam beg atau bekas.	30 mata denda	30 Hari / sesi
	2	Sisa pepejal / keladak dibiar dan tidak dibuang pada hari yang sama ke lokasi yang telah diluluskan	30 mata denda	30 Hari / sesi
GAMBAR	BETUL (✓)		SALAH (X)	
	 <p>Sisa pepejal yang dikumpul hendaklah dimasukkan dalam beg atau bekas dan dibuang ke tempat yang telah diluluskan</p>	 <p>Keadaan parit yang tidak dibersihkan penuh dengan keladak dan sisa asing</p>		

3.0 GARIS PANDUAN BAGI PEMBERESIHAN PARIT TEPIAN JALAN

GAMBAR	BETUL (✓)	SALAH (X)
		
	<p>Tiada tumpahan leachate / tumpahan leachate dibersih dari bahu jalan / parit</p> 	<p>Tumpahan leachate / tompukan leachate di bahu jalan / parit</p> 

3.0 GARIS PANDUAN BAGI PEMBERSIHAN PARIT TEPIAN JALAN

3.3 KRITERIA “SAFETY AND HEALTH”

PETUNJUK	<ul style="list-style-type: none"> Pekerja hendaklah lengkap menggunakan peralatan keselamatan diri seperti <i>safety boot/wellington boot, safety goggle, baju vest</i> dan <i>glove</i>; Kelengkapan kerja seperti kon keselamatan, <i>signboard</i> dan lain hendaklah berada di tapak setiap masa; Peralatan kerja penbersihan parit yang bersesuaian dengan kerja-kerja pembersihan parit. 			
Bil	Perkhidmatan	Denda	KPI	
KESALAHAN	1	Pekerja tidak menggunakan kelengkapan keselamatan diri (PPE)	RM50.00 dan 20 Mata Denda	30 Hari / sesi
	2	Tidak meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan semasa kerja-kerja dijalankan	RM50.00 dan 20 Mata Denda	30 Hari / sesi
	3	Menggunakan mesin / peralatan yang tidak sesuai dan tidak diluluskan oleh <i>Superintending Officer</i>	RM50.00 dan 20 Mata Denda	30 Hari / sesi
GAMBAR	BETUL (✓)		SALAH (X)	
	<p>Kelengkapan alat keselamatan diri (PPE)</p> 		<p style="color: red; font-weight: bold;">TIDAK MENGUNAKAN PERATAN KESELAMATAN DIRI YANG DIBENARKAN / DILULUSKAN OLEH SUPERINTENDING OFFICER</p>	

3.0 GARIS PANDUAN BAGI PEMBERSIHAN PARIT TEPIAN JALAN

	BETUL (✓)	SALAH (X)
	 <p>Peralatan kerja yang sesuai bagi aktiviti pembersihan parit</p>	<p style="color: red;">TIDAK MENGGUNAKAN PERALATAN KERJA YANG SESUAI UNTUK PEMBERSIHAN PARIT</p>
GAMBAR	 <p>Pekerja lengkap dengan alat keselamatan diri (PPE)</p>	 <p>Pekerja TIDAK menggunakan kelengkapan keselamatan diri (PPE)</p>
	 <p>Kon keselamatan hendaklah dipamer/diletak berdekatan bagi setiap aktiviti dijalankan di tepi jalanraya</p>	 <p>TIDAK mempamer/meletak kon keselamatan bagi setiap aktiviti dijalankan di tepi jalanraya</p>

4.0 SISTEM DENDA KIRAAN MATA

Borang Pengiraan Mata Denda seperti yang tertera di bawah akan digunakan untuk mengira denda yang dikenakan kepada Kontraktor untuk tujuan pembayaran.

DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA					
BORANG PENGIRAAN MATA DENDA DAN PEMBAYARAN					
Tajuk Kontrak	: ZONE		Bil. Hari / Sesi :	(DC) 30 days/session :	
No. Kontrak	: DBKU/CQS/P/			(Flushing And Desludging)	
Kontraktor	:			Twice / year :	
Nilai Kontrak	: (G/C) RM _____ and (D/C) RM _____			(Water Jetting) Once / year :	
Aktiviti	Mata Denda	A (50)	B (30)	C (20)	JUMLAH MATA DENDA
PEMBERSIHAN PARIT					KOMEN /LAIN-LAIN
PURATA	Jumlah Mata Denda Bil. Hari / Sesi		= Mata
Aktiviti	Mata Denda	A (50)	B (30)	C (20)	JUMLAH MATA DENDA
FLUSHING AND DESLUDGING					KOMEN /LAIN-LAIN
PURATA	Jumlah Mata Denda Bil. Hari / Sesi		= Mata
Aktiviti	Mata Denda	A (50)	B (30)	C (20)	JUMLAH MATA DENDA
WATER JETTING					KOMEN /LAIN-LAIN
PURATA	Jumlah Mata Denda Bil. Hari / Sesi		= Mata
PEMBERSIHAN PARIT		Nilai Kontrak Per Sesi : RM.....			
Potongan : Denda / Lain-Lain					
Jumlah Potongan Berdasarkan Mata Denda					
(a)	RM 100	x	pts	RM	
(b)	Lain-Lain Potongan (LAD / V.O/Penalty clause 11.3) :			RM	RM
Jumlah Pembayaran Untuk Sesi : RM					
FLUSHING AND DESLUDGING		Nilai Kontrak Per Sesi : RM			
Potongan : Denda / Lain-Lain					
Jumlah Potongan Berdasarkan Mata Denda					
(a)	RM 100	x	pts	RM	
(b)	Lain-Lain Potongan (LAD / V.O/Penalty clause 11.3) :			RM	RM
Jumlah Pembayaran Untuk Sesi : RM					
WATER JETTING		Nilai Kontrak Per Sesi : RM			
Potongan : Denda / Lain-Lain					
Jumlah Potongan Berdasarkan Mata Denda					
(a)	RM 100	x	pts	RM	
(b)	Lain-Lain Potongan (LAD / V.O/Penalty clause 11.3) :			RM	RM
Jumlah Pembayaran Untuk Sesi : RM					
Tandatangan : Nama : ()		Cop Kontraktor : Tariikh :			
Tandatangan Penyelia Tapak :			
Cop Penyelia :		Tandatangan & Cop Ketua Unit / Pembantu Tadbir N17			
Tarikh :		Tarikh :			
* Sila rujuk sebelah, penjelasan denda untuk ketidakakuruan kepada Standard Kualiti.					

4.1 Borang Pengiraan Mata Denda

4.0 SISTEM DENDA KIRAAN MATA

Contoh pengiraan denda mata di atas digunakan sebelum pembayaran dibuat.

DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA BORANG PENGIRAAN MATA DENDA DAN PEMBAYARAN BAGI KONTRAK PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN BAHAGIAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR																																																																																																																	
